



<b>MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN KEPADA WARIS PEGAWAI LHDNM YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN</b>		
<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>SYARAT-SYARAT</b>
1.	<b>Bantuan Mengurus Jenazah Dan Bayaran Pengangkutan Jenazah Bagi Pegawai LHDNM</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bantuan mengurus jenazah diberikan kepada waris sebanyak RM3,000.00.</li> <li>ii. Bayaran pengangkutan jenazah mengikut kadar perbelanjaan sebenar yang munasabah dan disokong dengan resit.</li> <li>iii. Borang-borang yang diperlukan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Borang Pengesahan Ketua Jabatan;</li> <li>b) Surat Akuan Penerimaan Bayaran Tunai Bantuan Mengurus Jenazah;</li> <li>c) Resit bayaran (jika ada).</li> </ul> </li> </ul> <p>Rujukan: Pekeliling Kewangan Bil.6 Tahun 2015: Bantuan Mengurus Jenazah Pekerja Di LHDNM.</p>
2.	<b>Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah Kepada Keluarga Pegawai Yang Bertukar Wilayah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kemudahan tambang mengiringi jenazah kepada ahli keluarga pegawai yang bertukar wilayah.</li> <li>ii. Tambang pengangkutan termasuk tambang bagi semua ahli keluarga yang masih dalam tanggungan pegawai untuk mengiringi jenazah pegawai balik ke wilayah asal.</li> <li>iii. Pasangan pegawai atau seorang ahli keluarga kemudian dibenarkan kembali ke tempat pegawai berkhidmat untuk urusan pemindahan barang-barang atas tanggungan LHDNM.</li> </ul> <p>Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 2019: Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah Kepada Keluarga Pegawai Yang Bertukar Wilayah (Berkuatkuasa mulai 1 Julai 2019).</p>

MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN KEPADA WARIS PEGAWAI LHDNM YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN		
BIL	PERKARA	SYARAT-SYARAT
3.	<b>Pemberian Pindahan Dan Elaun /Bayaran Kepada Waris Pegawai Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan</b>	<p>Waris pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan layak diberi kemudahan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>Pemberian Pindahan</b> bayaran berbentuk lump sum diberi berdasarkan gred dan status pegawai sama ada masih bujang atau berkeluarga.</li> <li><b>Tambang Pengangkutan Awam/ Elaun Perjalanan Kenderaan</b> Tambang Pengangkutan Awam dibayar mengikut jarak perjalanan sebenar.</li> <li><b>Tambang Pengangkutan Barang</b> Tambang Pengangkutan Barang dibayar di atas kadar penuh mengikut peraturan dan syarat semasa yang ditetapkan.</li> </ol> <p>Rujukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Surat JPA(SARAAN)(S) 223/8/2-2 Klt.3 (47) bertarikh 30 September 2010 (Berkuatkuasa mulai 30 September 2010).</li> <li>Pekeliling Kewangan Bil. 5 Tahun 2015: Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Kerana Bertukar / Berpindah Rumah;</li> </ol>
4.	<b>Pemberian Sumbangan Tabung Khairat Kematian (TKK) LHDNM</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Sumbangan Tabung Khairat Kematian (TKK) diberi kepada waris pegawai.</li> <li>Pegawai perlu mengisi Borang Opsyen TTK dan membuat potongan gaji RM1.00 setiap bulan.</li> <li>Pemberian sumbangan TTK sebanyak RM5,000.00 kepada waris pegawai.</li> <li>Borang dan dokumen yang diperlukan: <ol style="list-style-type: none"> <li>Borang Laporan Kematian pegawai dari ACO Jab/Neg/Caw/CSi;</li> <li>Salinan Sijil Kematian;</li> <li>Salinan Borang opsyen potongan TTK gemulah; dan</li> <li>Penyata gaji terkini.</li> </ol> </li> </ol> <p>Rujukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memo rujukan LHDN.01/11.1/25/ 2-2 bertarikh 9 Mei 2017: Pemberian Opsyen Bagi Potongann Gaji Kepada Pegawai Berhubung Pelaksanaan Tabung Khairat Kematian Di LHDNM.</li> <li>Memo Pemakluman Penambahbaikan Pemberian Sumbangan Tabung Khairat Kematian (TKK) bertarikh 12 April 2021.</li> </ol>

<p align="center"><b>MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN KEPADA WARIS PEGAWAI LHDNM YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN</b></p>		
BIL	PERKARA	SYARAT-SYARAT
5.	<p><b>Faedah Pencen Penakat Di Bawah Skim Perlindungan PERKESO</b></p>	<p>i. ACO perlu menghubungi dan memaklumkan kepada waris pegawai untuk membuat permohonan Faedah Pencen Penakat ke pejabat PERKESO yang berdekatan.</p> <p>ii. Dokumen Tuntutan Pencen Penakat (<i>Survivor's Pension</i>) adalah seperti berikut:</p> <p>a) Borang 34;</p> <p>b) Sijil kematian (<i>Death Certificate</i>);</p> <p>c) Sijil lahir anak-anak (<i>birth cert. of all children</i>);</p> <p>d) Salinan kad pengenalan balu/duda.</p> <p>iii. ACO perlu menyediakan penyata pendapatan pegawai untuk tempoh 24 bulan terakhir berkhidmat di LHDNM untuk tujuan semakan caruman PERKESO.</p> <p>Rujukan: Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 Skim-Skim Faedah-Faedah PERKESO.</p>
6.	<p><b>Faedah Pengurusan Mayat (PERKESO)</b></p>	<p>i. Faedah Pengurusan Mayat PERKESO akan dibayar kepada waris-waris yang layak. Sekiranya tiada waris yang layak faedah akan dibayar kepada pihak yang menanggung perbelanjaan pengebumian.</p> <p>ii. Jumlah yang dibayar adalah mengikut perbelanjaan sebenar pengurusan mayat tertakluk kepada jumlah maksimum RM2,000.00 mengikut mana yang lebih rendah.</p> <p>iii. Dokumen yang diperlukan untuk Tuntutan Faedah Pengurusan Mayat (Funeral Benefit):</p> <p>a) Borang Faedah Pengurusan Mayat (Borang 34);</p> <p>b) Salinan Sijil Kematian (<i>Death Certificate</i>).</p> <p>Rujukan: Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 Skim-Skim Faedah-Faedah PERKESO.</p>

MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN KEPADA WARIS PEGAWAI LHDNM YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN		
BIL	PERKARA	SYARAT-SYARAT
7.	<b>Pengeluaran Kematian KWSP</b>	<p>i. Apabila seseorang ahli KWSP meninggal dunia, waris kepada ahli, boleh ke mana-mana cawangan KWSP yang terdekat untuk memohon pengeluaran simpanan si mati. Pengeluaran kematian adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak KWSP.</p> <p>ii. Ahli keluarga yang di bawah tanggungan juga akan dipertimbangkan untuk menerima satu bayaran Bantuan Kematian. Dokumen bagi tujuan pengeluaran kematian KWSP, layari laman web berikut; <a href="https://www.pengurusanharta.com.my/post/pengeluaran-kematian-kwsp-ini-apa-yang-perlu-anda-tahu">https://www.pengurusanharta.com.my/post/pengeluaran-kematian-kwsp-ini-apa-yang-perlu-anda-tahu</a></p> <p>iii. Sumber rujukan pengeluaran penuh ahli meninggal dunia: <a href="https://www.kwsp.gov.my/ms/member/withdrawals/full/death">https://www.kwsp.gov.my/ms/member/withdrawals/full/death</a></p>
8.	<b>Saguhati Tamat Perkhidmatan</b>	<p>i. Pemberian wang tunai sebagai ganjaran persaraan untuk pegawai Sistem Saraan LHDNM (SSLHDNM). Dibayar 60 hari dari tarikh kematian pegawai.</p> <p>ii. Dokumen dan borang adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Salinan Sijil Kematian;</li> <li>b) Borang Pelaporan Kematian;</li> <li>c) Surat Akuan Bersumpah;</li> <li>d) Salinan slip gaji terakhir pegawai;</li> <li>e) Salinan Sijil Nikah;</li> <li>f) Salinan Kad pengenalan waris;</li> <li>g) Salinan penyata bank waris;</li> <li>h) Borang STP;</li> <li>i) Sijil Penyelesaian Cukai; dan</li> <li>j) Surat Akuan Berhutang..</li> </ol> <p>Rujukan: Pekeliling Pentadbiran Bil.7 Tahun 2021: Pemberian Saguhati Tamat Perkhidmatan Bagi Pegawai Di Bawah Sistem Saraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (SSLHDNM).</p>

MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN KEPADA WARIS PEGAWAI LHDNM YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN		
BIL	PERKARA	SYARAT-SYARAT
9.	<b>Gantian Cuti Rehat</b>	<p>Bayaran tebusan tunai bagi cuti rehat yang tidak dihabiskan sepanjang perkhidmatan, terhad kepada maksimum 180 hari. Dibayar 60 hari dari tarikh kematian pegawai, tertakluk kepada dokumen lengkap [rujuk perkara 8 (ii) di atas].</p> <p>Rujukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pekeliling Pentadbiran Bil. 2 Tahun 2009: Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Kepada Pegawai LHDNM; dan</li> <li>ii. Pekeliling Pentadbiran Bil. 11 Tahun 2020: Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Kepada Pegawai LHDNM.</li> <li>iii. Memo bertarikh 18 Julai 2023 Ruj. LHDNM.AR.C 100-1//1/2Kit.2 (1): Peningkatan Jumlah Maksimum Gantian Cuti Rehar (GCR) dan GCR kepada pegawai LHDNM.</li> </ol>
10.	<b>Klinik Panel Perubatan Dan Klinik Panel Pergigian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kemudahan perubatan yang disediakan meliputi rawatan pesakit luar (penyakit biasa sahaja) dan rawatan pergigian, tidak termasuk rawatan pakar.</li> <li>ii. Rawatan pergigian yang dibenarkan ialah: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Cabut</li> <li>b) Tampil;</li> <li>c) Pembedahan kecil untuk mencabut gigi geraham bongsu; dan</li> <li>d) Ubat dan x ray jika diperlukan.</li> </ol> </li> <li>iii. Balu kepada pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan akan mendapat kemudahan perubatan di klinik panel sehingga umur persaraan wajib pegawai atau selagi tidak berkahwin semula mana yang terdahulu.</li> <li>iv. Anak-anak juga boleh mendapatkan rawatan di klinik panel LHDNM sehingga umur persaraan sebenar pegawai dan tertakluk kepada had umur yang dibenarkan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Anak-anak pegawai – iaitu; anak-anak yang berumur bawah 19 tahun atau sekiranya masih bersekolah di bawah umur 24 tahun.</li> <li>b) Anak-anak istimewa dari segi mental atau fizikal di mana kemudahan diberi sehingga tamat perkhidmatan atau sehingga anak bekerja/ berkahwin yang mana terdahulu.</li> </ol> </li> <li>v. Bagi rawatan penyakit berpanjangan yang memerlukan bekalan ubat dan rawatan yang berterusan yang melibatkan</li> </ol>

<b>MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN KEPADA WARIS                      PEGAWAI LHDNM YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN</b>												
BIL	PERKARA	SYARAT-SYARAT										
		<p>kos yang tinggi (seperti darah tinggi, kencing manis, kolesterol dan masalah jantung) mereka perlu mendapatkan rawatan di klinik/hospital Kerajaan.</p> <p>Rujukan:                      Pekeliling Pentadbiran Bil. 17 Tahun 2012: Kemudahan Rawatan Di Klinik Panel Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).</p>										
11.	<b>Klinik / Hospital Kerajaan</b>	<p>Rawatan di Klinik / Hospital Kerajaan layak untuk Pesara/ Pasangan Pesara yang dikahwini dalam pekhidmatan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kelayakan anak adalah terhad sebelum mencapai umur 18 tahun atau 21 tahun jika masih belajar dan terputus jika telah berkahwin. Had umur bagi anak-anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani adalah tidak terpakai.</li> <li>Kemasukkan ke wad di hospital Kerajaan adalah menggunakan Kad Pesara/Surat Jaminan LHDNM.</li> <li>Rawatan pesakit luar di Klinik/Hospital Kerajaan adalah secara <i>cashless</i> (tanpa tunai). Pesara hanya perlu membawa kad pesara/ eGL/ surat jaminan (<i>guarantee letter</i>) LHDNM sahaja.</li> <li>Kelayakan wad di Hospital Kerajaan (termasuk Hospital Universiti / IJN) berdasarkan jawatan terakhir:</li> </ol> <table border="1" data-bbox="571 1422 1388 1774"> <thead> <tr> <th>Hasil Grade Sistem (HGS)</th> <th>Kelas Wad</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Premier 1 / Premier 2 / Premier 3 / L4 / L3 / L2 / L1 / E5 / E4 / S5 / S4 / S3 / S2 / S1</td> <td>Satu (bilik seorang)</td> </tr> <tr> <td>E3 / E2 / E1 / NE11 / NE10 / NE9</td> <td>Satu (bilik berdua)</td> </tr> <tr> <td>NE8 / NE7 / NE6 / NE5 / NET7 / NET6 / NET5</td> <td>Satu (bilik bertiga/ lebih)</td> </tr> <tr> <td>NE4 / NET4 / NE3 / NE2 / NE1</td> <td>Dua (bilik bertiga atau lebih)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Rujukan;:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022);</li> <li>Perintah Am Bab F: Perubatan dan</li> <li>Garis Panduan KKM Ruj: (7) KKM.400-8/1/89 Jld. 12 bertarikh 19 Februari 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Bayaran Bil Rawatan di Fasiliti Kementerian</li> </ol>	Hasil Grade Sistem (HGS)	Kelas Wad	Premier 1 / Premier 2 / Premier 3 / L4 / L3 / L2 / L1 / E5 / E4 / S5 / S4 / S3 / S2 / S1	Satu (bilik seorang)	E3 / E2 / E1 / NE11 / NE10 / NE9	Satu (bilik berdua)	NE8 / NE7 / NE6 / NE5 / NET7 / NET6 / NET5	Satu (bilik bertiga/ lebih)	NE4 / NET4 / NE3 / NE2 / NE1	Dua (bilik bertiga atau lebih)
Hasil Grade Sistem (HGS)	Kelas Wad											
Premier 1 / Premier 2 / Premier 3 / L4 / L3 / L2 / L1 / E5 / E4 / S5 / S4 / S3 / S2 / S1	Satu (bilik seorang)											
E3 / E2 / E1 / NE11 / NE10 / NE9	Satu (bilik berdua)											
NE8 / NE7 / NE6 / NE5 / NET7 / NET6 / NET5	Satu (bilik bertiga/ lebih)											
NE4 / NET4 / NE3 / NE2 / NE1	Dua (bilik bertiga atau lebih)											

MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN KEPADA WARIS PEGAWAI LHDNM YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN		
BIL	PERKARA	SYARAT-SYARAT
		Kesihatan Malaysia bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan <b>Pihak Berkuasa Berkanun</b> .
12.	<b>Hospital / Pusat Perubatan Universiti</b>	<p>Rawatan di Pusat Perubatan Universiti (HUKM / PPUM etc) terhad di Public Wing layak bagi Pesara/ Pasangan Pesara yang dikahwini dalam pekhidmatan dan tanggungan mengikut kelayakan had umur. Rawatan diperoleh dengan mengemukakan Kad Pesara LHDNM.</p> <p>Rujukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022); dan</li> <li>ii. Perintah Am Bab F: Perubatan.</li> </ol>
13.	<b>Tuntutan Rawatan Swasta</b>	<p>Tuntutan bayaran balik kos rawatan perubatan di Klinik / Hospital swasta boleh dibuat sekiranya berlaku kes kecemasan (<i>life-threatening</i>) atau dirujuk oleh Klinik / Hospital Kerajaan dengan perakuan rawatan berkenaan tidak dapat dibekalkan oleh Klinik / Hospital Kerajaan.</p> <p>Rujukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022);</li> <li>ii. Perintah Am Bab F: Perubatan; dan</li> <li>iii. Akta Fi 1951: Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.</li> </ol>

MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN KEPADA WARIS PEGAWAI LHDNM YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN		
BIL	PERKARA	SYARAT-SYARAT
14.	<b>Institut Jantung Negara Sdn Bhd (IJNSB)</b>	<p>Rawatan di IJNSB layak bagi Pesara / Pasangan yang dikahwini dalam perkhidmatan dan tanggungan yang berkelayakan dengan syarat bagi rawatan kali pertama, mendapat rujukan Pakar Umum / Kardiologi dari Pusat Perubatan awam atau swasta atau Klinik Sakit Luar / Wellness Centre IJNSB.</p> <p>Rujukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022);</li> <li>Perintah Am Bab F: Perubatan; dan</li> <li>Memo Cadangan Penambahbaikan Prosedur Bagi Mendapat Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) Serta Tanggungan Yang Berkelayakan, 27 November 2020.</li> </ol>
15.	<b>Pembekalan Ubat</b>	<p>Tuntutan perbelanjaan kos pembekalan ubat dibuat dengan rujukan Hospital Kerajaan / Pusat Perubatan Universiti tertakluk kepada jenis ubat yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pembekalan jangka masa panjang boleh diberikan untuk tempoh tiga (3) bulan.</p> <p>Rujukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pekeliling Pentadbiran Bil. 17 Tahun 2012: Kemudahan Rawatan Di Klinik Panel LHDNM;</li> <li>Formulari Ubat KKM Bil.1/2021; dan</li> <li>Memo LHDN.AR.C500-6/2/4 Klt. 5 (3) bertarikh 2 Julai 2021: Bekalan Ubat Berpanjangan Bagi Penyakit Kronik.</li> </ol>
16.	<b>Pembekalan Alat Kesihatan</b>	<p>Tuntutan perbelanjaan kos pembekalan alat kesihatan seperti alat ortopedik, anggota palsu dan seumpamanya bagi tujuan rawatan penyakit yang dihadapi oleh Pesara LHDNM / pasangan dan tanggungan yang berkelayakan. Alat kesihatan tidak termasuk bagi tujuan kosmetik dan bersifat pakai buang.</p> <p>Rujukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia : Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022); dan</li> <li>Akta Fi 1951: Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.</li> </ol>

MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN KEPADA WARIS PEGAWAI LHDNM YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN		
BIL	PERKARA	SYARAT-SYARAT
17.	<b>Kad Pesara</b>	<p>Setiap Pesara / Pasangan Gemulah Pegawai dibekalkan satu (1) Kad Pesara LHDNM sebagai dokumen pengenalan diri untuk mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Kerajaan / Universiti dan kemudahan-kemudahan lain.</p> <p>Rujukan: Pekeliling Pentadbiran Bil. 15 Tahun 2020: Peraturan Penggunaan Kad Pesara Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).</p>
18.	<b>Hotel Panel LHDNM</b>	<p>Pesara LHDNM boleh menikmati Kemudahan Hotel Panel LHDNM di seluruh negara pada harga yang lebih rendah berbanding published rate dengan menggunakan Kad Pesara LHDNM sebagai dokumen pengenalan diri.</p> <p>Rujukan: Memo Jabatan Pengurusan Insan: Makluman Pelantikan Hotel Panel Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 14 Disember 2018.</p>
<p>Pesara LHDNM boleh mengajukan sebarang persoalan terutamanya berhubung Manfaat dan Kemudahan Persaraan Pesara LHDNM Ke:</p> <p style="text-align: center;">Emel: <a href="mailto:pasca@hasil.gov.my">pasca@hasil.gov.my</a> Talian: 0192813425</p>		

Seksyen Pasca Perkhidmatan,  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Jabatan Pengurusan Insan  
[Edisi: Ogos 2023]